

LAPORAN AKTIVITI BULAN OKTOBER 2016

PUSAT INTERNET 1MALAYSIA PARIT BILAL REMBAH


ITEM JENIS	INFORMATION MAKLUMAT	NOTES NOTA
Name of PI1M Nama PI1M	Pusat Internet 1Malaysia Parit Bilal Rembah, Pontian	
Name of event Nama acara / program	<ol style="list-style-type: none"> 1. <i>Study Group</i> 2. Kelas Keusahawanan – Dashboard (My Shop) 3. Program Klik Dengan Bijak 4. Taklimat <i>Mobile E-Waste</i> 5. Aktiviti <i>Finding Hidden Object</i> 6. Kelas Membuat Poster 7. Kelas ICT – <i>Microsoft Office Power Point</i> 8. Kelas ICT – Pengenalan E-mail 9. Mesyuarat Kluster Pontian 10. Kelas Membuat Video 11. Kelas ICT – <i>Microsoft Office Word (Flyers)</i> 12. Kelas Keusahawanan – <i>Microsoft Publisher (Flyers)</i> 	
Date & Time Tarikh & Masa	<ol style="list-style-type: none"> 1. 1/10/2016 (2.45 ptg – 4.15 ptg = 1 ½ jam) 1/10/2016 (3.00 ptg – 5.00 ptg = 2 jam) 2. 4/10/2016 (3.30 ptg – 5.30 ptg = 2 jam) 3. 5/10/2016 (11.00 pg – 12.30 ptg = 1 ½ jam) 10/10/2016 (10.30 pg – 11.30 pg = 1 jam) 4. 10/10/2016 (11.30 pg – 12.30 pg = 1 jam) 5. 13/10/2016 (4.20 ptg – 5.20 ptg = 1 jam) 6. 14/10/2016 (10.00 pg – 11.30 pg = 1 ½ jam) 7. 14/10/2016 (2.30 ptg – 4.30 ptg = 2 jam) 15/10/2016 (2.30 ptg – 4.30 ptg = 2 jam) 8. 15/10/2016 (11.00 pg – 12.00 tgh = 1 jam) 9. 20/10/2016 (9.30 pg – 12.00 thg = 2 ½ jam) 10. 20/10/2016 (2.15 ptg – 3.30 ptg = 1 ¼ jam) 	


	<p>11. 28/10/2016 (11.00 pg – 1.00 tgh = 2 jam)</p> <p>12. 30/10/2016 (10.00 pg – 11.30 pg = 1 ½ jam)</p>	
<p>Location Lokasi</p>	<ul style="list-style-type: none"> - Semua aktiviti/kelas PI1M berlangsung di Bilik Latihan PI1M Parit Bilal Rembah. - Program KDB dan E-Waste berlangsung di Giatmara Tanjung Piai & Sek. Keb. Sungai Bunyi. - Mesyuarat Kluster berlangsung di PI1M Pulau Sebatang - Kelas ICT – <i>Microsoft Office Word (Flyers)</i> berlangsung di PI1M Taman Nilam. 	
<p>Purpose Tujuan</p>	<ol style="list-style-type: none"> 1. <i>Study group</i> yang dilaksanakan di PI1M bertujuan menjadikan pusat internet ini bukan sahaja sebagai tempat pencarian dan pengumpulan maklumat, malahan menjadi tempat belajar dan berbincang secara kumpulan. 2. Kelas keusahawanan Dashboard bertujuan membantu usahawan berdaftar memasarkan produk perniagaan mereka secara atas talian menerusi aplikasi tersebut selain meningkatkan kemahiran melalui ilmu ICT. 3. Program Klik Dengan Bijak bertujuan memberi panduan tentang penggunaan internet yang selamat dan berhemah kepada pengguna. 4. Taklimat <i>Mobile E-Waste</i> bertujuan menyampaikan maklumat berkaitan kaedah yang betul dan bersesuaian bagi pelupusan peranti komunikasi elektronik yang telah rosak atau tidak digunakan lagi. 5. Aktiviti <i>Finding Hidden Object</i> bertujuan mengisi masa lapang pengunjung dengan mencari benda tersembunyi dalam lampiran soalan bergambar. 6. Kelas membuat poster bertujuan membantu peserta membuat persediaan rapi bagi menyertai pertandingan Poster Dakwah Digital Klik Dengan Bijak 2016. 7. Kelas ICT <i>Microsoft Office Power Point</i> bertujuan memberi tunjuk ajar cara-cara paling asas membuat <i>slide</i> pendahuluan persembahan dengan tema “Gerbang Futuristik” 	

	<p>8. Kelas ICT Pengenalan Email bertujuan memperkenalkan fungsi email dan cara-cara membuat akaun email peribadi.</p> <p>9. Mesyuarat Kluster Pontian bertujuan membincangkan perancangan aktiviti-aktiviti kluster yang akan dijalankan sepanjang bulan Oktober – Disember 2016.</p> <p>10. Kelas membuat video bertujuan membantu peserta membuat persediaan bagi menyertai pertandingan Mencipta Video MyKomuniti Kreatif.</p> <p>11. Kelas ICT - <i>Microsoft Office Word (Flyers)</i> bertujuan memberi tunjuk ajar cara-cara membuat flyers dengan mudah menggunakan <i>micorosft word</i>.</p> <p>12. Kelas keusahawanan <i>Microsoft Publisher</i> bertujuan membina minat menjadi usahawan melalui pendedahan awal kepada golongan muda dengan cara merekacipta risalah perniagaan.</p>	
<p>Details of recipients Butiran Penerima</p>	<ul style="list-style-type: none"> - Program KDB = Pelajar Giatmara Tanjung Piai & Sek. Keb. Sungai Bunyi - Mesy. Kluster = Pengurus PI1M Kluster Pontian - Kelas/Aktiviti = Komuniti sekitar Rambah, Pontian 	
<p>Details of contribution Butir-butir berkaitan dengan aktiviti</p>	<ul style="list-style-type: none"> - Kebanyakan aktiviti adalah anjuran pusat internet Rambah sendiri kecuali mesyuarat Kluster yang dianjurkan atas arahan ketua Kluster Pontian 	
<p>Benefits of the contribution Kebaikan / kelebihan aktiviti</p>	<ol style="list-style-type: none"> 1. Aktiviti <i>study group</i> yang dilaksanakan secara tidak langsung membantu menjadikan pusat internet sebagai pusat pencarian, pengumpulan dan penyebaran ilmiah dalam kalangan pelajar selain membantu mereka untuk belajar lebih baik. 2. Kelas keusahawanan Dashboard bermanfaat dalam membantu memperluaskan peluang perniagaan usahawan agar dapat berkembang lebih dari satu sumber. 3. Kebaikan Program Klik Dengan Bijak adalah dapat mendidik pengguna agar menggunakan internet dengan betul dan berhemah selain memberi panduan kepada mereka tentang kesan buruk penyalahgunaan internet secara tidak bertanggungjawab. 	




4. Taklimat *Mobile E-Waste* bermanfaat dalam mendidik pengguna tentang perlunya melupus bahan elektronik secara betul selain membantu menyelamatkan bumi kita dari pencemaran alam sekitar yang berbahaya akibat dari pelupusan peranti elektronik secara tidak selamat.
5. Aktiviti *Finding Hidden Object* membantu mengisi masa terluang pengunjung dengan aktiviti lebih berfaedah.
6. Kelas poster ini dibuat khas bagi memberi ruang kepada peserta menggunakan sepenuh kemudahan yang ada bagi mendapatkan idea dan maklumat secukupnya untuk mencipta poster pertandingan terbaik.
7. Kelas *Microsoft Power Point* bermanfaat dalam membina daya kemahiran menghasilkan slide persembahan yang lebih menarik dari yang biasa serta meningkatkan nilai kreativiti peserta.
8. Kelas ICT pengenalan email dapat membantu peserta membuat akaun email peribadi mereka sendiri bagi urusan-urusan formal.
9. Mesyuarat Kluster Pontian membantu dalam membina persefahaman dan kerjasama berpasukan yang menyeluruh dalam kalangan semua petugas PI1M seluruh Pontian.
10. Kelebihan kelas membuat video adalah bagi membantu sedikit sebanyak pelan perancangan, rakaman awal, penyediaan skrip, proses memuatnaik dan edit video kepada seorang peserta agar isi kandungannya menepati tema yang dikehendaki.
- 11.Kelebihan kelas *Microsoft office word* ini peserta dapat belajar cara yang paling mudah dan ringkas untuk membuat risalah yang menarik menggunakan keseluruhan menu yang ada dalam software ini.
- 12.Kelas *Microsoft Publisher* ini dapat membantu peserta merekacipta risalah yang kreatif dan lebih menarik dengan perisian yang lebih lengkap.

Name of VIP Nama VIP	-	
Name of guest VIP Nama tetamu daripada VIP	-	
Main execution Pelaksanaan aktiviti utama	<ol style="list-style-type: none"> 1. Aktiviti <i>study group</i> berlangsung di PI1M Parit Bilal Rambah melibatkan pembelajaran 2 kumpulan dengan gabungan masa selama hampir 2 ½ jam. 2. Usahawa telah siap sedia bersama gambar-gambar produk, petugas pula memberikan arahan secara lisan tentang langkah-langkah mendaftar masuk ke halaman Dashboard, memuatnaik gambar dan mengemaskini maklumat perniagaan. Kelas ini mengambil masa selama 2 jam. 3. Program Klik Dengan Bijak berlangsung di Bilik Komputer Giatmara Tanjung Piai selama 1 ½ jam & Musolla Sek. Keb. Sungai Bunyi selama 1 jam dengan pengisian taklimat dan kuiz. 4. Taklimat Mobile E-Waste berlangsung di Musolla Sek. Keb. Sungai Bunyi selama 1 jam dengan pengisian taklimat dan kutipan barang peranti telah rosak. 5. Aktiviti <i>Finding Hidden Object</i> berlangsung di PI1M Rambah dan mengambil masa selama 1 jam. 6. Kelas membuat poster diadakan di bilik belajar PI1M Rambah melibatkan seorang peserta sekolah menengah dan ia mengambil masa selama 1 ½ jam. 7. Kelas <i>Microsoft Power Point</i> ini berlangsung selama 2 hari di bilik latihan PI1M Rambah dengan gabungan masa selama 4 jam. 8. Kelas pengenalan email berlangsung di bilik latihan PI1M Rambah dan cuma mengambil masa 1 jam. 9. Mesyuarat Kluster Pontian berlangsung selama 2 ½ jam di PI1M Pulau Sebatang melibatkan semua pengurus PI1M daerah Pontian. 	

	<p>10. Peserta membuat kerja-kerja pengeditan video di PI1M Rambah dan kelas ini mengambil masa 1 ¼ jam.</p> <p>11. Kelas <i>Microsoft office word</i> berlangsung di PI1M Taman Nilam selama 2 jam melibatkan campuran peserta sekolah rendah dan menengah.</p> <p>12. Kelas keusahawanan <i>Microsoft Publisher</i> berlangsung di bilik latihan PI1M Rambah selama 2 jam.</p>	
<p>Supporting activities Aktiviti Sokongan</p>	-	
<p>Other participants Peserta Lain</p>	-	
<p>Photo caption Keterangan gambar</p>	<p style="text-align: center;"><u>STUDY GROUP</u></p>  <p>The first photograph shows a classroom with several computer workstations. Students are seated at blue desks, focused on their work. The second photograph is a closer view of students at a computer workstation, with one student in a purple hijab looking at the screen while another student's hands are on the keyboard.</p>	




KELAS KEUSAHAWANAN – DASHBOARD
(MYSHOP)






PROGRAM KLIK DENGAN BIJAK & TAKLIMAT E-WASTE








AKTIVITI FINDING HIDDEN OBJECT





KELAS MEMBUAT POSTER




KELAS ICT – MICROSOFT POWER POINT





KELAS ICT – PENGENALAN EMAIL






MESYUARAT KLUSTER PONTIAN





KELAS MEMBUAT VIDEO



KELAS ICT – MICROSOFT WORD (FLYERS)





KELAS KEUSAHAWANAN - MICROSOFT PUBLISHER






Photo caption names Keterangan gambar berserta nama	-	
Translation Terjemahan	-	
Supporting documents Dokumen Sokongan	-	

**PLEASE SUBMIT YOUR WRITTEN REPORT & PHOTOS BASED ON THIS GUIDE TO THE
CONTENT APPLICATION DEVELOPMENT DEPARTMENT WITHIN ONE WEEK OF THE
EVENT**

**SILA KEMUKAKAN LAPORAN BERTULIS & GAMBAR-GAMBAR BERLANDASKAN
PANDUAN YANG DIBERIKAN DAN HANTAR KE JABATAN PEMBANGUNAN APLIKASI
KANDUNGAN DALAM TEMPOH SEMINGGU SELEPAS ACARA / PROGRAM
BERLANGSUNG**